

جرنل قنديقر اسلام

Jurnal  
**PENDIDIKAN  
ISLĀM**

Jilid 11 Bil. 1 Ogos 2004/Jamadir Akhir 1425H ISSN 0127-5153 Harga RM10.00

Pengarang Perunding

**GHAZALIBASRI**

Ketua Pengarang

**ROSNANIHASHIM**

Sidang Pengarang

Ahmad Mohammad Said (KDH)


Khadijah Zon (USM)

Khalijah Salleh (UKM)

Mastura Badzis (UIAM)

Omar Karem (UPSI)

Tajul Nordin Ariffin (UKM)

 **PROF. DR. ROSNANI HASHIM**  
**Lecturer**  
**Kulliyah of Education**  
**International Islamic University Malaysia**



Terbitan Bersama:


**YAYASAN TAKMIR (PENDIDIKAN)**  
**dan KOLEJ DAR-AL-HIKMAH (KDH)**

Kompleks Dar al-Hikmah, Lot 1662, Sg. Ramal Dalam,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-89265853, 89252392 Fax: 03-89263213

Web: [www.hikmah.edu.my](http://www.hikmah.edu.my) E-mail: [info@hikmah.edu.my](mailto:info@hikmah.edu.my)





## APALAH YANG ADA PADA NAMA : "ANTARA PELAJARAN DAN PENDIDIKAN"

Pengumuman Majlis Kabinet baru oleh Perdana Menteri Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, selepas pilihanraya umum yang lepas membawa dua perubahan besar dalam senario dunia pendidikan di negara ini. Perubahan yang pertama ialah pembahagian Kementerian Pendidikan (KP) kepada dua, iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Perubahan yang kedua ialah pengembalian nama Kementerian yang bertanggung jawab kepada pendidikan peringkat rendah dan menengah daripada Kementerian Pendidikan kepada nama asalnya iaitu Kementerian Pelajaran.

Perubahan yang pertama ini sangatlah dialu-alukan memandangkan ini mungkin boleh membantu mengemaskan struktur Kementerian yang bertanggungjawab kepada pendidikan negara supaya lebih cekap apabila ia semakin 'dikuruskan'. Keraksanaan KP memang menimbulkan kesulitan dalam membuat sebarang perubahan dan keputusan. Perkara ini telah ditimbulkan oleh berbagai-bagai pihak sebelum ini. KP dulu itu bukan sahaja bertanggungjawab untuk pentadbiran sekolah rendah dan menengah, malahan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara dan Majlis Peperiksaan, dan Institut Terjemahan Negara. Oleh itu dengan wujudnya Kementerian Pendidikan Tinggi adalah diharapkan semakin banyak perhatian diberikan kepada peningkatan kualiti kurikulum, pengurusan, pengajaran dan keperibadian mahasiswa dan siswazah yang bakal dilahirkan. Kita tidak mahu berlakunya pertukaran dasar yang dibuat tanpa dikaji terlebih dahulu, kemudian ditarik balik setelah didapati tidak wajar seperti yang pernah berlaku kepada penyingkatan masa untuk Program Kejuruteraan dan Program Matrikulasi satu masa dulu. Janganlah mahasiswa atau pelajar dijadikan mangsa dasar-dasar *ad hoc* seperti ini. Harapan para akademik ialah dengan wujudnya KPT maka kebebasan bersuara di menara gading dapat dihidupkan semula dan universiti diberi autonomi untuk menentukan halatujunya. Inilah satu-satu caranya untuk meningkatkan kualiti ilmu di IPT. Janganlah pula dengan wujudnya KPT, lagi banyak pantauan ke atas pensyarah dilakukan sehingga tidak boleh wujud perbezaan pendapat yang menjadi pencetus kepada pembaharuan dalam masyarakat. Janganlah pensyarah dilayani seperti murid sekolah tetapi dihormati sebagai sarjana. Oleh itu, mereka haruslah menunjukkan kewibawaan sebagai sarjana dan bukan berlagak sebagai murid sekolah.

Perubahan ini membuat kita berfikir pula mana satu yang lebih baik antara dua Kementerian menguruskan pendidikan atau mengamalkan pentadbiran bercorak kewilayahan (*decentralized*). Tidak banyak negara maju yang mengamalkan dua Kementerian tetapi ada beberapa negara yang mengamalkan struktur pentadbiran kewilayahan seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Mungkin kita harus kaji struktur mereka dan mengambil mana yang terbaik buat kita.

Perubahan kedua yang bersabit dengan nama Kementerian berkenaan perlulah diteliti. Kenapakah nama yang sudah sebat diguna sejak tahun 1987 iaitu satu tempuh yang agak lama (17 tahun) atas hujah yang kukuh demi kebaikan pendidikan negara diubah? Ketika perubahan daripada "Pelajaran" dibuat kepada "Pendidikan", hampir semua rakyat menyambut baik cadangan itu kerana hujahnya yang baik. "Pelajaran" yang berasal dari kata kerja "belajar" tidak mempunyai makna yang serupa dengan "pendidikan" yang berasal dari kata kerja "didik". Belajar boleh digunakan untuk tujuan latihan dan kemahiran seperti belajar memandu kereta, menggunakan computer, membaiki paip dan sebagainya, di samping sesuatu maklumat seperti belajar tentang geografi, sains dan sebagainya. Seseorang boleh juga mengajar insan mahu pun haiwan seperti mengajar seekor gajah untuk menari atau ikan lumba-lumba untuk melompat. Justeru, perkataan "belajar" membawa pengertian usaha untuk membentuk perbuatan dan tabiat, iaitu latihan.

Sebaliknya perkataan "didik" cuma digunakan untuk insan yang berakal dan untuk tujuan membentuk kepercayaan dan menyampaikan ilmu. Umpamanya, apabila seorang bapa mendidik anaknya, yang dimaksudkan bukanlah mengajarnya kemahiran seperti mengayuh basikal tetapi mungkin mendidik adab atau akhlakunya supaya berkelakuan bersesuaian dalam situasi yang berlainan, atau mendidiknya tentang agama atau budayanya. Apabila seorang guru mendidik muridnya, yang dimaksudkan adalah pelajaran yang membuat murid itu meneliti atau memikirkan maklumat yang diajarkan supaya timbul makna buat dirinya sehingga ia membentuk prinsip dan kepercayaannya. Justeru, perkataan pendidikan membawa pengertian pelajaran yang melibatkan daya intelektual yang lebih berbanding dengan latihan kemahiran.

Dalam proses pengajaran, kedua-dua pelajaran dan pendidikan berlaku tetapi menekankan yang satu lebih daripada yang satu lagi akan memberi konsep pendidikan yang berbeza. Jika pelajaran ditekankan maka kita memberi perhatian kepada cara-cara melakukan sesuatu. Jika pendidikan ditekankan, maka kita memberi perhatian kepada penyampaian ilmu dan

pembentukan kepercayaan. Kita bolehlah anggap bahawa pelajaran seperti *teaching someone to do so-and-so* dan pendidikan seperti *teaching someone that so-and-so is the case*. Berdasarkan analisis konseptual ini, kita fikir lebih baiklah Kementerian yang bertanggungjawab untuk proses pendidikan ini dikekalkan dengan nama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi sebab kita bukan ingin sahaja mengajar anak-anak kita *bagaimana membuat sesuatu* tetapi juga mengajar mereka *bahawa sesuatu itu adalah baik atau benar*. Kita ingin semua guru kita mendidik dan bukan mengajar semata-mata dan kita kira itulah faktor penting yang mencetuskan perubahan pada tahun 1987 daripada Pelajaran kepada Pendidikan. Pembuat dasar mungkin berfikir bahawa perubahan nama ini dengan kefahaman konsep di sebalik perubahan tersebut akan membuat guru kita lebih peka tentang peranan mereka untuk mendidik dan bukan meletakkan tanggungjawab mendidik itu kepada guru Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sahaja. Peranan guru untuk mendidik menjadi lebih penting pada masakini apabila gejala sosial di kalangan remaja semakin meluas.

**KETUA PENGARANG**

## Jurnal Pendidikan Islam

### Kepada Penyumbang Karya

*Jurnal Pendidikan Islam* ialah sebuah jurnal akademik dwibahasa yang diterbitkan dua kali setahun. Sebarang artikel yang diterima untuk penerbitan hendaklah memenuhi panduan berikut:

- Karya asli dan tidak pernah diterbitkan atau telah diserahkan untuk penerbitan dalam jurnal lain.  
Dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dengan abstrak sepanjang 150-200.
- Ditaip langkau dua baris, saiz font 12 Times New Roman dan pada sebelah halaman sahaja. Panjang artikel di antara 18 hingga 25 halaman dan ulasan buku 5 halaman maksimum
- Nama penuh penulis, universiti atau profesion, alamat, nombor telefon dan fak dan juga e-mel (jika ada) dan biografi ringkas yang terkini hendaklah disertakan dalam kertas yang berasingan.
- Letakkan semua maklumat bibliografi sebagai nota hujung.
- Serahkan artikel dan satu salinan dalam disket yang ditaip menggunakan Word.

Alamatkan manuskrip kepada:

*Ketua Pengarang Jurnal Pendidikan Islam*  
Komplek Dar al-Hikmah  
Lot 1662 Sg Ramal Dalam,  
43000 Kajang, Selangor  
emel: rosnani@iiu.edu.my

**Senarai Penyumbang (*Contributors*)**

**Dr. Ab. Halim Tamuri**  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
abhalim@ukm.my

**Dr. Khadijah Abdul Razak**  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
khar@ukm.my

**Hj. Mahyuddin Ashaari**  
Yayasan Takmir Pendidikan  
ABIM

**Prof Madya Mohd Salleh Lebar**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)  
Kuala Terengganu  
msa@kustem.edu.my

**Najum Mustaq**  
Pelajar Doktorat, Pusat Pendidikan & Pembangunan Insan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
najum.mustaq@gmail.com

**Dr. Norasmah Hj. Othman**  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
lin@ukm.my

**Prof. Dr. Shahrir Mohd Zain**  
Fakulti Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia  
rir@pkrisc.cc.ukm.my

**Prof. Dr. Rosnani Hashim**  
Pusat Pendidikan & Pembangunan Insan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
rosnani@iiu.edu.my

### Transliterasi (*Transliteration*)

Huruf Arab ( <i>Arabic Letter</i> )	Huruf Roman/ Simbol ( <i>Roman Letter</i> )	Huruf Arab ( <i>Arabic Letter</i> )	Huruf Roman/ Simbol ( <i>Roman Letter</i> )
ء	,	ع	c
ب	b	غ	gh
ت	t	ف	f
ث	th	ق	q
ج	j	ك	k
ح	h	ل	l
خ	kh	م	m
د	d	ن	n
ذ	dh	و	w
ر	r	هـ	h
ز	z	ة	i
س	s	ي	y
ش	sh		
ص	ṣ		
ض	ḍ		
ط	ṭ		
ظ	ẓ		
		Long Vowels	
		إ	ā
		و	ū
		ي	ī